

29 JUN 2001

PERDANA MENTERI SOLAT JUMAAT DI MASJID SEBERANG JAYA

BUTTERWOTH, 29 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menunaikan solat Jumaat bersama kira-kira 1,000 umat Islam di Masjid Seberang Jaya, di sini hari ini.

Yang turut bersama menunaikan solat Jumaat di masjid itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Hilmi Yahaya dan para pemimpin Umno peringkat negeri dan bahagian.

Selesai bersolat, orang ramai berpusu-pusu mengambil kesempatan untuk bersalaman dengan Perdana Menteri dan timbalannya.

Masjid Seberang Jaya terletak dalam kawasan Parlimen Permatang Pauh.

Perdana Menteri kemudiannya akan menghadiri majlis penyerahan borang keanggotaan Umno daripada sebilangan bekas anggota parti Keadilan di Jalan Pematang Pauh di sini sebelum menghadiri majlis dialog bersama jawatankuasa bahagian, ketua cawangan, ketua Pemuda dan Wanita bahagian Permatang Pauh dan Bukit Mertajam di Politeknik Seberang Perai.

Beliau akan mengakhiri lawatan dua harinya ke negeri ini dengan menghadiri majlis jamuan teh bersama rakyat di perkarangan politeknik itu, sebelum berlepas pulang ke ibu negara petang ini.

-- BERNAMA

AZE RI